

# Terus tambah ilmu

■ UPM tawar 262 kursus peringkat sarjana, doktor falsafah

Oleh Norul Awatif Romli

awatifromli@mediapi-  
ma.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan 262 kursus melalui 47 program bagi mereka yang mahu menyambung pembelajaran ke peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) di universiti berkenaan untuk sesi pengambilan September ini.

Ketua Penolong Pendaftar Sekolah Pengajian Siswazah UPM Suhaifi Sulaiman berkata, daripada jumlah itu, 250 bidang pengajian mengkhaskan tesis manakala 12 lagi tanpa tesis.

Katanya, UPM melalui Sekolah Perniagaan Putra (SPP), Sekolah Pengajian Siswazah (SGS) serta Unit Pendidikan dan Latihan UPM menganjurkan program Pameran Pasca Siswazah dan Hari Terbuka UPM 2013 bermula kelmarin bagi membuka peluang kepada pelajar dan orang awam mendapatkan maklumat



PELAJAR baru pascaijazah mendaftar secara dalam talian di UPM, semalam.

FOTO: AIZUDDIN SAAD

mengenai program pengajian di UPM.

“Pameran ini platform memperkenalkan kepelbagaian program pengajian dan prospek kerjaya kepada mereka yang berminat menyambung pendidikan. Terdapat 35 gerai pameran disediakan bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat.

“Menerusi program ini,

bakal pelajar mendapat gambaran sebenar suasana pembelajaran, kemudahan dan persekitaran kampus selain memahami kejayaan UPM dalam aktiviti penyelidikan serta pembabitan pelajar sebelum ini,” katanya di sini, semalam.

Suhaifi berkata, sepanjang dua hari program, 550 bakal graduan mendaftar untuk mengikut pelbagai bidang

pengajian dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 1,500 orang selepas pameran ditutup petang semalam.

“Bakal graduan yang mendaftar dengan kita kebanyakan bekas pelajar UPM sendiri. Bagaimanapun, ada juga orang awam dan pelajar luar, termasuk penuntut antarabangsa dari Iran, Yaman dan Arab Saudi yang berminat,” katanya.